



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 (39)

Tarikh: 1 Oktober 2012

## SIARAN MEDIA

### SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA 2012

Putrajaya, 1 Oktober 2012 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merasmikan Sambutan Hari Habitat Sedunia yang bertemakan “*Changing Cities, Building Opportunities*” pada pagi ini. Tema yang dipilih oleh UN-HABITAT ini adalah bertepatan dengan pembangunan negara yang kini menuju ke arah untuk mencapai status Negara maju berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020. Tema ini juga membawa maksud bahawa kawasan bandar yang sedang mengalami perubahan pesat, perlu mengambil langkah-langkah yang holistik bagi menyediakan kualiti kehidupan rakyat yang lebih baik serta peluang pekerjaan dan kemudahan awam yang mencukupi ke arah pembangunan negara yang mampan.

Sambutan yang disambut pada hari ini adalah sambutan peringkat kebangsaan untuk menghebahkan kepada masyarakat mengenai peranan KPKT sebagai Focal Point UN-HABITAT dalam menganjurkan pelbagai aktiviti/program sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia peringkat kebangsaan. KPKT telah dilantik sebagai *National Focal Point* untuk menyelaraskan semua aktiviti berkaitan *United Nations Human Settlement Programme* atau UN-HABITAT di Malaysia sejak tahun 1985. Sejak pelantikannya, Kementerian telah terlibat secara aktif dalam mengan-

jurkan program-program dan aktiviti sepanjang tahun untuk Sambutan Hari Habitat Sedunia dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, *Eastern Regional Organisation for Planning and Human Settlement* (EAROPH), *Real Estate and Housing Developers Association* (REDHA), persatuan penduduk dan komuniti. Program/aktiviti yang dianjurkan sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini adalah:

- (a) Projek *House Build* 2012
- (b) Pertandingan Analisis Senario Habitat Peringkat Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
- (c) Program Sedetik Habitat 1Malaysia dan Program Bank Kitar Semula
- (d) Penerbitan *Habitat Magazine*
- (e) Pertandingan *Photojournalism*
- (f) Seminar Hari Habitat Sedunia 2012
- (g) Larian Jom! Kitar Semula dan Habitat 2012.

Tarikh rasmi Sambutan Hari Habitat Sedunia yang ditetapkan oleh UN-HABITAT jatuh pada hari Isnin pertama bulan Oktober setiap tahun. Pada tahun ini, ianya jatuh pada 1 Oktober 2012. Sambutan Hari Habitat Sedunia peringkat global pula dianjurkan oleh semua negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan membangunkan petempatan manusia yang selesa, selamat dan berkualiti. Majlis pada pagi ini dihadiri oleh Ketua Setiausaha KPKT, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan / Agensi di bawah KPKT, pegawai-pegawai kanan KPKT dan pelbagai agensi Kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGOs), pelajar sekolah, warga Orang Kurang Upaya (OKU) dan Perwakilan Asing di Malaysia.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :03-8891 5555 Faks:03-8891 5557 E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)